



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

PERATURAN PEMARKAHAN

**BAHASA MELAYU KERTAS 2
1103/2**

**MODUL KECEMERLANGAN SPM SET 2
2023**

MARKAH PENUH: 100 MARKAH

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **08** markah

Soalan 2: **06** markah

Soalan 3: **13** markah

Soalan 4: **04** markah

Soalan 5: **04** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata kerja tunggal** dan **kata majmuk rangkai kata bebas** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata kerja tunggal** dan **kata majmuk rangkai kata** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata kerja tunggal** dan **kata majmuk rangkai kata** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Kerja Tunggal

- | | | |
|---|----------------|---|
| 1 | tiba | - sampai (di), datang |
| 2 | solat | - sembahyang (dalam agama Islam) |
| 3 | sembang | - perbualan / percakapan |
| 4 | masuk | - pergi ke dalam / datang ke dalam |
| 5 | turun | - dari tempat yang lebih tinggi ke tempat yang lebih rendah, dari atas ke bawah |

Kata Majmuk Rangkai Kata Bebas

- 1 **bandar raya** - bandar yang besar
- 2 **nasi kandar** - nasi yang dicampurkan dengan lauk-pauknya dalam satu pinggan
- 3 **istana pasir** - binaan umpama bangunan yang diperbuat daripada pasir

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis (Jenis Ayat Perintah)

- 1 Ayat : Patuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
Jenis Ayat : Ayat suruhan
- 2 Ayat : Jangan sesekali berlengah-lengah untuk mendapatkan nasihat perubatan daripada doktor sekiranya mengalami gejala demam, batuk dan selesema.
Jenis Ayat : Ayat larangan
- 3 Ayat : Saudari juga diminta memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam.
Jenis Ayat : Ayat permintaan
- 4 Ayat : Elakkan bergaul rapat dengan individu yang sakit.
Jenis Ayat : Ayat larangan
- 5 Ayat : Bersihkan tempat kerja yang dikongsi, dan permukaan yang sering disentuh semalam.
Jenis Ayat : Ayat suruhan
- 6 Ayat : Sila kekal di rumah jika saudara mengalami gejala seperti selesema.
Jenis Ayat : Ayat silaan

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan 1

- (i) Antara langkah-langkah - Antara langkah
- (ii) memperkasa - memperkasakan
- (iii) pada - akan
- (iv) adat - peraturan
- (v) merasa - berasa
- (vi) ke-dua - kedua
- (vii) digalakan - digalakkan

[Maksimum: 7 markah]

Petikan 2

- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| (i) dari | - daripada |
| (ii) insentif | - inisiatif |
| (iii) pelaksanaan | - pertumbuhan |
| (iv) kontek | - konteks |
| (v) paling luas sekali | - paling luas / luas sekali |
| (vi) dinegara | - di negara |

[Maksimum : 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Apabila mendengar khabar bahawa Cau Pandan ingin menyerang Melaka, Tuan Sidi Arab pun berdiri di hadapan Sultan Muzaffar Syah. Seterusnya Tuan Sidi Arab menggunakan panahnya mengarahkan ke benua Siam. Kemudian Tuan Sidi Arab menarik panahnya sambil berkata “matilah engkau, Cau Pandan.”

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 5 – Peribahasa
Isi tempat kosong**

- | | |
|-----------------------------------|---|
| (i) curi tulang | 2 |
| (ii) seperti pahat dengan penukul | 2 |

[Maksimum : 4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
-----------	--------

- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6 - Petikan Umum

- (i) Maksud *mencapai objektif*
- mendapat/menjayakan matlamat/tujuan 2
 - mencapai matlamat/tujuan 1
 - mendapat/ menjayakan objektif 1
- (ii) Usaha-usaha untuk memperkasakan sektor pelancongan

Bahan 1

P1 Promosi yang agresif perlu dilakukan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan Malaysia bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik di dunia

Bahan 2

P1 Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Mohd Khalid Harun berkata, pihaknya akan memberikan sokongan dan kerjasama bagi mempromosikan Malaysia ke peringkat antarabangsa kembali dengan memperkenalkan pelbagai promosi pakej pelancongan menarik bagi meningkatkan industri pelancongan.

P2 Seluruh penggiat industri pelancongan dan kebudayaan perlu bekerjasama dan bersedia untuk menerima kemasukan pelancong dalam jumlah yang tinggi semula.

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (iii) Faedah yang akan diperoleh rakyat dan negara
- P1 - peluang pekerjaan bertambah
 - P2 - infrastruktur setempat meningkat
 - P3- ekonomi negara meningkat

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Usaha-usaha yang dapat saya lakukan bagi membantu memperkasakan sektor pelancongan negara

P1 - mempromosikan tempat-tempat menarik di Malaysia dalam laman sosial

P2 - menjaga kebersihan kawasan persekitaran/ tidak membuang sampah di merata-rata tempat

P3 - melancong di dalam negara

(Usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7- Petikan Sastera

(i) Maksud tidak berfaedah

- | | |
|--------------------|---|
| - tiada bermanfaat | 2 |
| - tiada berfaedah | 1 |
| - tidak bermanfaat | 1 |

(ii) Cara-cara menjaga kesihatan yang wajar diamalkan

P1 makan makanan seimbang

P2 elakkan makanan ringan

P3 bersukan/ beriadah/ mengamalkan gaya hidup sihat

P4 kerap mencuci tangan

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iii) Kepentingan-kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat

P1 dapat mencerdaskan otak

P2 terhindar daripada penyakit

P3 mengekalkan kecergasan fizikal

P4 anggota tubuh dapat berfungsi dengan baik

(Kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(v) Langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara

P1 menyediakan infrastruktur sukan yang lengkap

P2 mendedahkan atlet ke peringkat antarabangsa

P3 memperkasakan peranan persatuan sukan

P4 menggunakan sains dan teknologi terkini dalam bidang sukan

P5 menambah baik program sukan

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8 - Novel

(i) Perancangan awal Jeneral Yamashita untuk menawan Singapura ...

P1 sepasukan tentera Jepun lagi akan mendarat di Kampung Mandai

P2 menawan kawasan tanah tinggi di Bukit Timah

P3 menawan empangan-empangan Selatar, Pierce dan MacRitchie

P4 sekiranya tentera British tidak mahu menyerah kalah, maka tentera Jepun akan memasuki pusat bandar Singapura.

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

(i) **Soalan Novel: 6 markah**

1. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Berikan **1 markah** bagi **setiap peristiwa** yang betul / jelas / tepat.
4. Berikan **1 markah** bagi **setiap sebab** / penjelasan / huraian yang betul / jelas / tepat.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 2 markah.
7. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0m, beri 1 markah untuk bahasa.
9. Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum markah : 6 markah]

A. SONGKET BERBENANG EMAS

1. Peristiwa Tauke Lim sanggup membayar harga tapak rumah Embong.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana sebagai anggota masyarakat, Tauke Lim begitu prihatin membantu Embong sekeluarga yang susah dengan sanggup membayar harga tapak rumah Embong walaupun harganya mahal.

2. Peristiwa Tauke Lim membenarkan Embong sekeluarga mengambil barang secara hutang di kedainya.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana sebagai anggota masyarakat, Tauke Lim sangat prihatin akan kesusahan Embong sekeluarga sehingga membenarkan Embong sekeluarga mengambil barang secara hutang di kedainya walaupun hutang yang lama belum dibayar.
3. Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang lemas.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana sebagai anggota masyarakat, Dahlia begitu prihatin akan keadaan Said yang lemas sehingga Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai yang arusnya deras demi menyelamatkan Said.
4. Peristiwa Dahlia menjaga neneknya yang sakit sehingga sembuh.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana Dahlia begitu prihatin akan kesihatan neneknya dan sanggup bersusah payah menjaga neneknya sehingga sembuh.

B. JENDELA MENGHADAP JALAN

1. Peristiwa Lili menziarahi Haziq dan Rafik yang dipukul oleh Seman sehingga cedera parah.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana sebagai anggota masyarakat, Lili begitu prihatin akan keadaan Haziq dan Rafik walaupun Haziq dan Rafik telah menculiknya.
2. Peristiwa Lili melaporkan keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman kepada Kak Mimah.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap keprihatinan masyarakat kerana sebagai anggota masyarakat, Lili begitu prihatin akan nasib Che Jah sehingga dia sanggup mengambil risiko untuk melaporkan perbuatan Seman walaupun Seman seorang yang panas baran.

[Terima mana-mana peristiwa yang relevan]

BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- | | | |
|------------|---|------------------|
| (a) Isi | – | 20 markah |
| (b) Bahasa | – | 10 markah |

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas / peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Bahan 1										16
Fokus 1 (Langkah)	7	5	4	3	2	2				
Fokus 2 (Kepentingan)	3	1	1	2	2	2				
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 1 (Kepentingan)	4	1	2	2	2	3				
(iii) Isi Bahan 3										
Fokus 1 (Langkah)	2	1	1	1	2	1				
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah									20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik

		<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

	Markah
P1 ... membincangkan kaedah/cara/langkah membugarkan semula semangat membeli barangan buatan Malaysia dan kebaikan/kepentingan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.	2
P2 ... membincangkan kaedah/cara/langkah dan kebaikan/kepentingan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia. (HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA)	1

- P3 ... membincangkan kaedah/cara/langkah membugarkan semula semangat membeli barangan buatan Malaysia **ATAU** kebaikan/kepentingan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia... (**HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA**) 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : Langkah membugarkan semangat membeli barangan buatan Malaysia

Bahan 1

- A 1 setiap usahawan dan industri yang mahu memasarkan barangan tempatan harus mempromosikan barangan mereka di platform maya. 2
- A 2 menggunakan tanda pagar (#Beli Barangan Buatan Malaysia). 2
- A 3 aplikasi e-dagang seperti Shopee, Go Shop dan Lazada wajar bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). 2
- A 4 perlu mencipta aplikasi baharu yang hanya menjual barangan tempatan sepenuhnya. 2
- A 5 pihak berwajib disarankan untuk mengadakan e-karnival yang memfokuskan barangan tempatan sahaja. 2
- A 6 meningkatkan pengeluaran produk yang sukar ditemui di Malaysia perlu dilakukan secara berperingkat 2
- A 7 dengan penawaran subsidi kerajaan, harga yang ditawarkan pasti berbaloi untuk dibeli. 2

Bahan 3

- B 1 Barang bermutu bertaraf dunia 2
- B 2 Harga berpatutan tiada bandingan 2

FOKUS 2 : kebaikan/ kepentingan/kelebihan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia

Bahan 1

- C1 dapat membantu mengurangkan aktiviti import dari luar negara dan juga pengaliran wang keluar. 2

- | | | |
|----|---|---|
| C2 | membantu negara, usahawan kecil atau persendirian dan industri tempatan. | 2 |
| C3 | mampu membawa kepada penambahan tenaga kerja apabila rakyat Malaysia dapat mengisi peluang pekerjaan. | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|--------|--|---|
| D
1 | Menggalakkan pembangunan industri tempatan. | 2 |
| D
2 | Mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing. | 2 |
| D
3 | Menyemai semangat cinta akan negara. | 2 |
| D
4 | Menjimatkan perbelanjaan keluarga. | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K2 | Kesimpulannya, barangan buatan Malaysia perlu diutamakan agar ekonomi negara lebih maju. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, barangan buatan Malaysia perlu dibeli. | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT